



**SURAT KELILING JABATAN PERDANA MENTERI
BILANGAN: 2/2000
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**AKTA RAHSIA RASMI
(BAB 5, PENGGAL 153)**

Sukacita dimaklumkan bahawa semua pegawai dan kakitangan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, sebaik-baik sahaja memulakan perkhidmatannya, sedang berkhidmat atau akan meninggalkan perkhidmatan Kerajaan, maka jika memegang atau melaksanakan mana-mana jawatan yang mengawal, menyimpan, mengurus atau mempunyai kebebasan (access) kepada sebarang Bahan atau Dokumen Terkelas menurut pengertian Bab 5, Akta Rahsia Rasmi (Penggala 153), mereka adalah dikehendaki menandatangani Sijil Pengakuan Akta Rahsia Rasmi yang tertentu seperti yang disediakan oleh Jabatan Keselamatan Dalam Negeri, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam setelah diberikan taklimat keselamatan.

2. Dalam hubungan ini, jika Bab 5 dari Akta tersebut dilanggar dan jika sabit kesalahannya, maka seseorang boleh dijatuhkan hukuman seperti yang terkandung dalam Bab 18(2) dari Akta tersebut, iaitu hukuman penjara tidak lebih dari dua tahun dan juga denda tidak lebih dari sepuluh ribu ringgit.

3. Semua Setiausaha-Setiausaha Tetap dan Ketua-Ketua Jabatan adalah dikehendaki untuk memastikan kehendak-kehendak yang diperuntukkan di bawah Akta berkenaan adalah dilaksanakan dan dikuatkuasakan dengan mendapatkan bantuan (jika perlu) daripada Jabatan tersebut.

4. Surat Keliling ini berkuatkuasa mulai dari tarikh ianya dikeluarkan. Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 12/1989 bertarikh 7hb. Ogos, 1989 adalah dengan ini dibatalkan.

(DATO PADUKA HJ. ADANAN BIN BPSK DATO HJ. MD. YUSOF)
Setiausaha Tetap

Jabatan Perdana Menteri
Istana Nurul Iman
Bandar Seri Begawan BA1000,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Rujukan: (2)JPM/SK/2000

Tarikh: 19 Syawal 1420
26 Januari 2000